

Dr Noor Hisham Tokoh Maal Hijrah 1442H

20 AUG 2020

BERITA HARIAN

Ahmad Tayyib pula diumumkan
Tokoh Antarabangsa Maal Hijrah

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my


Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1442H pada majlis sambutan di Masjid Negara, malam tadi.

Syeikh Al Azhar, Prof Dr Ahmad Tayyib pula diumumkan sebagai Tokoh Antarabangsa Maal Hijrah 1442H.

Pengumuman dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Anugerah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah. Kedua-dua tokoh masing-masing menerima pingat dan sijil penghargaan.

Yang turut berangkat ke majlis berkenaan, Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta isteri, Puan Sri Noor



Ahmad Tayyib

rainee Abdul Rahman.

Dalam ucapannya, Zulkifli berkata, pemilihan kedua-dua tokoh itu dibuat atas sumbangan besar mereka dalam memartabatkan Islam di peringkat nasional dan global yang diiktiraf pelbagai pihak di peringkat tempatan serta antarabangsa.

Katanya, tema sambutan Maal Hijrah tahun ini iaitu 'Ummah Rabbani Negara Harmoni' membawa mesej penting yang perlu dihayati bersama.

Beliau berkata, mesej berkenaan amat bermakna ketika negara



Al-Sultan Abdullah berkenan bergambar bersama Muhyiddin, Dr Noor Hisham (kiri), Zulkifli (dua dari kanan) dan Duta Besar Mesir ke Malaysia, Gamal Abdel Rahim Mohamed Metwally (kanan) yang mewakili Ahmad Tayyib di Masjid Negara, malam tadi. (Foto BERNAMA)

dan umat Islam seluruh dunia sedang berdepan dengan pandemik COVID-19.

"Moga dengan semangat hijrah ini, kita jelmakan dalam mengharungi hari-hari mendatang dengan norma baharu, yang berbeza dengan hari sebelumnya. Sayugia-

nya bagi insan yang bercirikan rabbani, semua itu tetap cekal digagahi demi mencapai reda Ilahi," katanya.

Terdahulu, Seri Paduka berdua tiba di Masjid Negara pada jam 6.30 petang sebelum majlis yang dipimpin Imam Sudais Malaysia,

Syukri Ali dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Yasin, tahlil, doa selamat dan doa akhir serta awal tahun oleh Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd Hosni sebelum diikuti solat Maghrib berjemaah.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Tarikh lahir: 21 April 1963

Tempat lahir: Sepang, Selangor

Oxford Business School, di United Kingdom 2008

Pendidikan

- Doktor Perubatan (MD) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1988
- Sarjana Pembedahan (MS) UKM 1994
- Royal Australasian College Of Surgeons Fellowship Training in Breast Endocrine Surgery 1997
- Academy of Medicine Malaysia (AM) 1998
- Fellow Academy of Medicine Malaysia (FAMM) 2004
- Advanced Management Program,

Pengalaman bekerja

- Dilantik Ketua Pengarah Kesihatan - 1 Mac 2013
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) - 29 Januari 2008
- Ketua Jabatan Pembedahan Payudara Endokrin dan Pembedahan Am Hospital Putrajaya - 16 Ogos 2002
- Ketua Unit Pembedahan Payudara Endokrin, Jabatan Pembedahan, Hospital Kuala

Lumpur - 16 Januari 1998

- Antara 1997 hingga 1998
- Fellowship in Endocrine Surgery, Royal North Shore Hospital, University of Sydney Australia
- Fellowship in Breast Endocrine Surgery, Royal Adelaide and Queen Elizabeth Hospitals University of Adelaide Australia
- Pakar Pembedahan Am, Hospital Kuala Terengganu - 1 Julai 1994
- Pegawai Perubatan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital Kuala Lumpur - 2 Oktober 1989
- House Officer, Hospital Universiti, Kuala Lumpur - 1 Ogos 1988